

**PENGIJRAHAN SUKU MASYARAKAT KAYAN  
DARI KALIMANTAN KE SARAWAK PADA  
ABAD KE-18 DAN 19**



**ORDILIA KALANG**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**PENGIJRAHAN SUKU MASYARAKAT KAYAN  
DARI KALIMANTAN KE SARAWAK PADA  
ABAD KE-18 DAN 19**

**ORDILIA KALANG**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT PENGIJAZAHAN IJAZAH SARJANA  
MUDA (SEJARAH)**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PENGIJRAHAN SUKU MASYARAKAT KAYAN DARI KALIMANTAN KE SARAWAK PADA ABAD KE-18 DAN 19.**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **Ordilia Kalang**, Sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


/

TIDAK TERHAD



**ORDILIA KALANG**  
**BA19110293**

Disahkan Oleh,



EKO PRAYITNO JOKO  
Pensyarah Program Sejarah  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 12 Ogos 2022

(EN. EKO PRAYITNO JOKO)  
PENYELIA UTAMA

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



---

Ordilia Kalang  
BA19110293



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN


NAMA : **ORDILIA KALANG**  
NO. MATRIKS : **BA19110293**  
TAJUK : **PENGIJRAHAN SUKU MASYARAKAT KAYAN DARI  
KALIMANTAN KE SARAWAK PADA ABAD KE-18 DAN 19**  
IJAZAH : **SARJANA MUDA**  
BIDANG : **SEJARAH**

### DIPERAKUI OLEH

#### 1. PENYELIA UTAMA

EN. EKO PRAYITNO JOKO



  
EKO PRAYITNO JOKO  
Pensyarah Program Sejarah  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah

---

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah yang Esa kerana berkat dan keizinan-Nya, saya mampu menyiapkan latihan ilmiah ini sehingga selesai. Puji syukur!

Pertama sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Eko Prayitno, selaku penyelia utama latihan ilmiah ini. Bersyukur, beliau seorang penyelia dan pembimbing yang begitu mengambil berat dan peduli akan pelajar-pelajar di bawah seliaannya. Beliau telah banyak memberikan bimbingan, nasihat, dorongan, sanggup berkorban masa serta memberikan tunjuk ajar sepanjang tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini. Teguran demi teguran beliau lontarkan sepanjang perjumpaan dengannya melalui *Google Meet* demi membantu menyelesaikan persoalan yang wujud. Tidak lupa juga ahli keluarga, terutamanya ibu bapa dalam memberikan sokongan dan menyuntik semangat demi menyelesaikan latihan ilmiah ini sehingga selesai. Berkat doa dan dorongan yang diberikan hakikatnya sangat membantu walaupun ada halangan-halangan tertentu yang dihadapi di rumah sepanjang tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini. Seterusnya, sumbangan dan tunjuk ajar serta bimbingan daripada rakan-rakan seperjuangan juga tidak akan terlupakan seperti bimbingan daripada Oktvia Remyyas, Jereny, Mohd Aqil Aziz dan Lilian Tan May Fern serta rakan-rakan yang lain. Perkongsian ilmu yang diberikan sangat bermanfaat dalam menyiapkan latihan ilmiah ini.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Saya juga menghargai usaha yang diberikan oleh diri saya sendiri yang tidak mudah putus asa demi menyelesaikan latihan ilmiah ini sehingga akhir.

Ordilia Kalang  
12.08.2022

## ABSTRAK

Kajian ini akan memfokuskan tentang fenomena penghijrahan suku masyarakat Kayan dari Kalimantan ke Sarawak pada abad ke-18 dan 19 serta seterusnya membahaskan tentang latar belakang suku ini yang menarik dan unik. Dalam usaha mengkaji tentang perkara ini, pengkaji telah mengenal pasti tiga objektif. Objektif kajian ini ialah mengkaji tentang latar belakang etnik Orang Ulu, khasnya suku Kayan di Sarawak, menjelaskan proses penghijrahan suku Kayan dari Kalimantan sehingga ke Sarawak pada abad ke 18 dan 19 dan menilai asimilasi yang berlaku dalam kalangan suku-suku di Sarawak dengan persekitaran mereka. Bagi mencapai objektif-objektif yang diutarakan, kaedah kepustakaan merupakan kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpul data-data yang diperlukan untuk menjawab segala permasalahan dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual dengan individu yang dapat memberikan maklumat mengenai kajian yang dilakukannya. Informan yang dipilih adalah dalam kalangan penduduk kampung yang berusia sama ada yang mengalaminya sendiri atau mengetahui tentang kajian yang dijalankan. Kaedah yang terakhir ialah kaedah menganalisis dan mempersembahkan data. Pengkaji membuat analisis secara kritis terhadap maklumat yang diperolehi daripada beberapa sumber yang ada dan mempersembahkannya dalam bentuk penulisan ilmiah. Ringkasnya, dengan berlatar belakangkan hasil dapatan kajian, kajian ini mendapati bahawa suku Kayan di Sarawak sememangnya mempunyai perkaitan dengan suku Kayan di beberapa daerah di Kalimantan, Indonesia dengan melihat dari segi latar belakang sejarah dan asal-usul mereka. Kebanyakan sejarah mengenai suku Kayan ini adalah bersifat sejarah lisan dan kajian serta penulisan mengenainya adalah terhad yang menyebabkan pelaksanaan kajian yang lebih terperinci ke atas komuniti ini adalah perlu dilakukan pada masa akan datang. Selain itu, proses asimilasi yang berlaku sepanjang jangka masa imigrasi suku Kayan sehingga ke Sarawak berupaya menghapuskan beberapa identiti asal suku lain yang bersifat minoriti berikutan diasimilasikan dalam budaya dan bahasa suku ini.

**Kata Kunci:** Kayan, penghijrahan, latar belakang, Sarawak, Borneo, Kalimantan.

## **ABSTRACT**

*This study will focus on the migration phenomenon of the Kayan tribe from Kalimantan to Sarawak in the 18<sup>th</sup> and 19<sup>th</sup> centuries and further debating about the interesting and unique background of this tribe. In an effort to study the matter, the researcher has identified three objectives. The objectives of the study are to study the ethnic's background of the Orang Ulu, especially the Kayan tribe in Sarawak, explain the process of the migration of the Kayan tribe from Kalimantan to Sarawak in the 18<sup>th</sup> and 19<sup>th</sup> centuries and evaluate the assimilation that took place among the tribes in Sarawak with their environment. In order to achieve the stated objectives, the library method is the main method used by the researcher to collect data needed to answer all the problems in this study. In addition, the researcher also used the interview method with individuals who could provide information about the research conducted. The selected informants are among the villager residents who have either experienced it themselves or know about the research. The last method is the method of analyzing and presenting data. The researcher makes a critical analysis of the information obtained from several available sources and presented in form of scientific writing. In summary, based on the results of the study, this study found that the Kayan tribe in Sarawak is indeed related to the Kayan tribe in several districts in Kalimantan, Indonesia by looking at their historical background and origins. Most of the history of the Kayan tribe is based on an oral history and the amount of research or writing about it is limited, which causes the implementation of a more detailed study on this community as must to be done in the future. In addition, the process of assimilation that took place throughout the period of the Kayan tribe's immigration to Sarawak had has eliminate some of the original identities of other minorities' tribe due to being assimilated into the culture and language of this tribe.*

**Key Word:** *Kayan, migration, background, Sarawak, Borneo, Kalimantan.*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b> .....	
<b>PENGAKUAN</b> .....	<b>iii</b>
<b>PENGESAHAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>v</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>vi</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>vii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>viii</b>
<b>SENARAI FOTO</b> .....	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xii</b>
<b>SENARAI PETA</b> .....	<b>xiii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b> .....	<b>1</b>
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Permasalahan Kajian.....	3
1.3 Objektif Kajian .....	4
1.4 Sorotan Literatur.....	4
1.5 Kepentingan Kajian .....	9
1.6 Skop Kajian .....	10
1.7 Kaedah Kajian.....	11
1.8 Pembahagian Bab .....	12
1.9 Kesimpulan.....	14
<b>BAB 2 SEJARAH DAN ASAL USUL SUKU KAYAN DI SARAWAK</b> .....	<b>1</b>
2.1 Pengenalan.....	1
2.2 Asal usul suku Kayan .....	3
2.3 Stratifikasi Sosial Suku Kayan .....	8
2.4 Adat dan budaya.....	11

2.4.1	Tradisi <i>Ngayau</i> .....	12
2.4.2	Pakaian Tradisional .....	14
2.4.3	<i>Tedek atau</i> Budaya tatu suku Kayan .....	16
2.4.4	Alat Muzik Tradisional <i>Sape'</i> .....	19
2.4.5	Adat <i>Bungan</i> (Kepercayaan) .....	20
2.4.6	Tradisi telinga panjang .....	22
2.5	Kesimpulan.....	24

### **BAB 3 MIGRASI SUKU KAYAN DARI KALIMANTAN KE SARAWAK ..... 25**

3.1	Pengenalan.....	25
3.2	Teori dan Model Migrasi .....	26
3.2.1	Model Migrasi Ravenstein .....	26
3.2.2	Model Migrasi Lee .....	28
3.2.3	Model Migrasi Lewis-Fei-Ranis .....	29
3.2.4	Model Migrasi Harris-Todaro .....	29
3.2.5	Model Migrasi Falaris.....	30
3.2	Fenomena Migrasi Suku Kayan di Sarawak.....	30
3.3	Faktor Penarik dan Faktor Penolak berlakunya Migrasi.....	35
3.3.1	Orde Baru (1966-1980) di Indonesia: Faktor Penolak.....	35
3.3.3	Faktor Penolak: Tekanan daripada pihak pentadbiran .....	37
3.3.2	Faktor Penolak: Peperangan .....	38
3.3.2	Faktor Penarik: Kedudukan yang strategik.....	38
3.4.3	Faktor Penarik: Faktor Ekonomi .....	39
3.4	Kesimpulan.....	40

### **BAB 4 ASIMILASI YANG BERLAKU DALAM KALANGAN SUKU-SUKU DI SARAWAK..... 41**

4.1	Pengenalan.....	41
4.2	Asimilasi antara suku-suku di Sarawak.....	42
4.3	Kesan .....	45
4.3.1	Suku minoriti diancam kepupusan.....	45
4.4	Kesimpulan.....	45

<b>BAB 5 RUMUSAN .....</b>	<b>46</b>
5.1 Pengenalan.....	46
5.2 Sejarah dan asal-usul suku Kayan di Sarawak. ....	46
5.3 Migrasi suku masyarakat Kayan dari Kalimantan ke Sarawak. ....	47
5.4 Asimilasi yang berlaku dalam kalangan suku-suku di Sarawak. ....	48
5.5 Cadangan penyelidikan akan datang.....	48
5.6 Kesimpulan.....	49
<b>SENARAI RUJUKAN .....</b>	<b>51</b>
<b>LAMPIRAN.....</b>	<b>57</b>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 2.1: Taman Negara Niah, Miri Sarawak.	2
Foto 2.2: Bekas tapak aktiviti ekskavasi di Gua Niah, Miri Sarawak.	2
Foto 2.3: Sekumpulan suku Kayan dari Hulu Sungai Rejang.	5
Foto 2.4: Senjata Orang Dayak	8
Foto 2.5: Tama Usong, Pemimpin Suku Kayan di Daerah Baram.	11
Foto 2.6: Pakaian Tradisional Golongan Wanita Kayan.	14
Foto 2.7: Pakaian Tradisional Golongan Lelaki Suku Kayan.	15
Foto 2.8: Tatu di tangan perempuan Kayan.	16
Foto 2.9: Seorang pelukis tatu terakhir orang Kayan sedang melakukan kerjanya.	18
Foto 2.10: Alat Muzik Sape'	19
Foto 2.11: Upacara ritual adat Bungan di Long Sobeng, 1956.	21
Foto 2.12: Wanita berbangsa Kayan yang masih memiliki telinga panjang sehingga hari ini.	23



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Stratifikasi Sosial Suku Kayan.	10



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

	Halaman
Peta 2.1: Kepulauan Borneo	4
Peta 2.2: Kumpulan Etnik-etnik di Borneo.	7



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri.
YBhg	-	Yang Berbahagia
Prof.	-	Profesor
Dr.	-	Doktor (Doktor Falsafah)
HPH	-	Hak Pemungutan Hasil
RAKAN Sarawak	-	Rangkaian Khidmat Awam Negeri Sarawak



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Sesi Temu bual dengan dua orang informan	Halaman 57
Lampiran B : Antara buku yang dirujuk	58
Lampiran C : Salah satu kampung yang terletak di kawasan sungai Baram.	59
Lampiran D : Pengkaji mencuba mempelajari teknik bermain sape' daripada seorang pemain sape' berkebolehan dari Kampung Long Kesseh.	61



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Malaysia sebuah negara yang unik dengan kepelbagaian budaya dan etnik yang hidup aman dan damai. Ia terdiri daripada empat belas buah negeri termasuklah negeri Sarawak yang akan menjadi fokus kajian ini. Sarawak merupakan sebuah negeri yang mempunyai keluasan yang besar di antara negeri-negeri yang lain. Sarawak juga merupakan salah satu negeri yang unik ekoran daripada masyarakatnya yang berbilang kaum, bahasa, budaya dan gaya hidup yang hidup secara harmoni di bawah suatu pemerintahan yang sama. Pada masa lalu, perkampungan merupakan elemen yang utama yang membezakan kaum-kaum yang ada di Sarawak. Hal ini demikian kerana biasanya sesebuah kampung itu terdiri daripada sesuatu kaum sahaja dan tidak ada yang lebih dari satu kaum di sesebuah kawasan. Dengan ini, sesuatu kaum di Sarawak tidak hanya dapat dibezakan melalui bahasa, adat resam dan organisasi sosialnya, malah juga melalui kedudukan geografi petempatan mereka.<sup>1</sup> Dalam konteks Sarawak, dianggarkan bahawa terdapat kira-kira 30 kumpulan etnik yang berbeza.<sup>2</sup> Etnik ini dibahagikan kepada dua kumpulan yang besar, iaitu Melayu dan juga orang Dayak. Etnik Kayan merupakan salah satu suku yang tergolong dalam kumpulan Dayak tersebut. Etnik Kayan dan etnik Kenyah sering dikatakan mempunyai persamaan dari segi budaya, pakaian, tarian, dan alat muzik mereka. Namun demikian, mereka dibezakan dari segi etnologi iaitu bahasa percakapan mereka. Bahasa percakapan mereka adalah sedikit berbeza dari segi kosa kata dan maksudnya.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Bilcher Bala, Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak, *Jebat 21, Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* (1993), hlm 25.

<sup>2</sup> Wan, Roselind, et al., What is The Point of Us Talking? Ethnic Language and Ethnic Identity in Northern Borneo, Malaysia, *Philippine Social Science and Humanities Review*, 2015, hlm. 109-120.

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm 110.

Kajian ini menjurus kepada satu kumpulan masyarakat secara khusus dari segi latar belakangnya dan juga peristiwa yang menyebabkan penghijrahannya ke Sarawak. Masyarakat yang dimaksudkan ialah sub-etnik Kayan. Masyarakat Kayan merupakan suku yang tergolong dalam kumpulan besar kaum yang dikenali sebagai orang Dayak di Sarawak. Orang Dayak ini terdiri daripada beberapa kaum seperti Iban dan juga Orang Ulu. Maka, masyarakat Kayan dalam kajian ini tergolong dalam kategori Orang Ulu. Orang Ulu boleh didefinisikan sebagai penduduk asli yang biasanya menempati kawasan hulu sungai sebagai lokasi untuk hidup dan merupakan penduduk asli di kawasan luar bandar yang biasanya mendiami kawasan pedalaman, iaitu kawasan hulu sungai-sungai besar di Sarawak.

Istilah Orang Ulu ini biasanya diberikan untuk merujuk kepada suku seperti Kayan, Kenyah, Penan dan Kelabit dan lain-lain lagi. Kumpulan suku Orang Ulu ini biasanya mendirikan rumah panjang di sepanjang sungai Baram, Tutoh dan Belaga dan mereka dikatakan orang asli di Sarawak. Walaupun tiada takrifan yang sah mengenai istilah orang asli di Sarawak, orang asli selalunya dikaitkan dengan penduduk asal yang tinggal di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman Sarawak.<sup>4</sup>

*"..They are largely jungle people for majority of their population live within the great forest of Sarawak.." (Ding Seling & Jayl Langub. 1989.)*

Pada masa lampau, suku Kayan juga turut terkenal sebagai suku yang turut mengamalkan amalan *ngayau* yang bermaksud aktiviti memburu manusia dan memenggal kepala seperti yang diamalkan oleh suku Iban di Sarawak. Peristiwa penghijrahan suku Kayan ini pada mulanya tercetus pada abad ke-18 dan juga abad ke-19. Mereka berhijrah secara berperingkat dan secara perlahan-lahan mulai tersebar ke hampir seluruh kawasan Sarawak. Malahan pula, wujud legenda di sebalik alasan mengapa suku Kayan dari Kalimantan mulai berhijrah ke Sarawak pada masa itu.

---

<sup>4</sup> Bilcher Bala, *op.Cit*, hlm 26.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Suku Kayan merupakan antara suku penyumbang terbesar dalam komuniti orang Ulu di Sarawak, khususnya di Baram, Tutoh Apoh dan Belaga. Namun demikian, masih terdapat sebilangan kumpulan individu yang masih belum menyedari akan kehadiran suku ini di Sarawak dan biasanya yang paling banyak diceritakan ialah suku Kenyah, iaitu suku yang mempunyai budaya, agama dan gaya hidup yang hampir sama dengan mereka. Selain itu, ramai generasi muda hari ini yang semakin hari semakin cetek pengetahuannya tentang latar belakang, sejarah dan keunikan suku ini, terutamanya generasi muda daripada suku Kayan sendiri. Bukannya hanya sejarah suku ini sahaja yang hampir tidak diketahui, malah sejarah atau latar belakang kaum atau etnik lain turut dikelabui oleh kehidupan moden hari ini. Hal ini turut disokong dengan kekurangan sumber maklumat seperti penulisan tentang suku Kayan ini secara khusus. Sekiranya tidak dilakukan lagi kajian yang lebih terperinci ke atas suku ini, maka sejarah mengenainya secara beransur-ansur akan hilang. Adapun kebanyakannya kajian dan penulisan yang dihasilkan oleh pengkaji Barat yang melakukan kajian ke tempat-tempat terbabit. Keadaan ini membuatkan pengkaji berhasrat untuk menjalankan sebuah kajian khusus ke atas latar belakang suku Kayan di Sarawak, sejarah penghijrahan mereka pada abad ke-18 dan 19 dan cara masyarakat ini mengadaptasi suasana dan persekitaran baharu di Sarawak.

Dengan itu, terdapat tiga persoalan kajian yang telah dikenal pasti, iatu:

1. Apakah sejarah dan latar belakang suku Kayan yang menarik yang kebanyakannya tidak diketahui oleh kaum lain di Malaysia?
2. Bagaimanakah proses penghijrahan suku Kayan dari Kalimantan sehingga ke Sarawak dari aspek faktor penarik dan penolak pada abad ke-18 sehinggalah abad ke-19.
3. Bagaimanakah proses asimilasi berlaku dalam kalangan suku-suku di Sarawak?

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif utama iaitu:

1. Mengkaji tentang latar belakang etnik Orang Ulu di Sarawak.
2. Menjelaskan tentang proses penghijrahan suku Kayan dari Kalimantan sehingga ke Sarawak pada abad ke-18 sehinggalah abad ke-19.
3. Menilai proses asimilasi yang berlaku dalam kalangan suku-suku di Sarawak.

### 1.4 Sorotan Literatur

Bahagian ini akan tertumpu kepada sintesis kajian lepas tentang latar belakang Orang Ulu di Sarawak dan penghijrahan suku Kayan dari Kalimantan ke Sarawak sejak abad ke-19. Penulisan berkenaan dengan sejarah latar belakang etnik Kayan ini secara khusus didapati tidak banyak ditulis oleh ahli sejarah. Dengan itu, analisis terhadap penulisan kajian lepas akan dirujuk bagi mengembangkan penulisan ini.

Menurut Dr. Bilcher Bala dalam penulisannya yang bertajuk '*Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak*', etnik Kayan merupakan salah satu daripada etnik yang terdapat dalam senarai etnik Orang Ulu. Beliau mendefinisikan Orang Ulu sebagai orang asal di sesebuah kawasan dan menempati di kawasan hulu sungai (*upperriver*). Biasanya masyarakat ini gemar tinggal di hulu sungai sejak dahulu lagi atas faktor-faktor seperti keperluan sumber ekonomi dan makanan. Kedudukan geografi ini menyebabkan mereka dikenali sebagai Orang Ulu sehingga ke hari ini. Melalui penubuhan *Orang Ulu National Association* (OUNA), istilah ataupun gelaran Orang Ulu ini dikatakan telah diperkemas semula pada 28 Oktober 1966.<sup>5</sup>

---

<sup>5</sup> Bilcher Bala, *op.Cit*, hlm. 28.

Seterusnya, Henry Ling Roth dalam bukunya yang bertajuk '*The Native of Sarawak & British Borneo*' pula menjelaskan tentang beberapa perincian berkenaan dengan ciri-ciri atau kebudayaan masyarakat Kayan sebelum era moden memasuki gerbangnya. Beliau mencatatkan bahawa kumpulan masyarakat di Borneo secara umumnya sangat terkenal dengan aktiviti memenggal kepala khususnya dalam kalangan orang Dayak di Sarawak termasuklah masyarakat Kayan ini.<sup>6</sup> Mereka juga dikatakan terlibat dalam beberapa siri perang dengan masyarakat lain seperti Iban dengan Dusun atau masyarakat lain. Penulis mencatatkan bahawa masyarakat Kayan turut mengenakan beberapa peralatan tradisional semasa peperangan zaman dahulu. Pada masa itu, teknologi moden seperti di negara Eropah belum wujud di pedalaman Borneo. Salah satu daripada pakaian ataupun perlengkapan yang dibawa oleh masyarakat Kayan semasa perang ialah sebuah topi berbentuk bulat (*layung*) yang dihiasi dengan bulu burung kenyalang di atas topi tersebut. Mereka turut memakai jaket perang yang diperbuat daripada bulu kambing dan ciri-cirinya tebal. Selain itu, mereka juga membawa lembing (*bakin*) dan tangan di sebelah pula memegang perisai (*kelebid*) sebagai pertahanan daripada serangan musuh.<sup>7</sup>

Merujuk kepada penulisan Asmiaty Amat dalam '*Ngayau sebagai sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera*', beliau memfokuskan kepada kegiatan sosial orang Dayak pada masa dahulu, iaitu aktiviti *ngayau*.<sup>8</sup> Di kepulauan Borneo pada suatu ketika dahulu sangat bergiat aktif dalam kegiatan *mengayau*. Melalui rujukan penulisan ini, penulis dapat mengetahui tanggapan orang Barat terhadap orang Ulu semasa kedatangan mereka ke kawasan mereka. Pihak Barat mula mengeksplorasi benua Asia, Afrika dan Amerika sejak abad ke-14. Kebanyakan daripada pengkaji Barat menceritakan tentang tradisi pemburuan kepala

---

<sup>6</sup> Henry Ling Roth, *The Native of Sarawak & British Borneo*, Harvard University, 1868, hlm 128.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> *Ngayau* merupakan amalan memenggal kepala yang cukup terkenal pada masa dahulu, terutamanya dalam kalangan Orang Dayak di Sarawak. Dalam kalangan masyarakat Iban, *ngayau* merupakan salah satu cara mereka membalas dendam akibat keluarga atau puak mereka dibunuh oleh pihak lawan pada zaman dahulu. Turut dirujuk sebagai strategi menyerang pihak musuh dan ianya terbahagi kepada beberapa jenis *ngayau*. Lihat Anna Durin et. al, Pengaruh *Ngayau* atau *headhunting* dalam Penciptaan Motif-motif Tekstil Pua Kumbu Masyarakat Iban di Sarawak, *Jurnal Melayu* (7), 2011, hlm. 305.

yang menjadi amalan penting dalam kalangan masyarakat Dayak. Mereka tidak hanya memburu kepala, tetapi juga memakan daging dan meminum darah orang yang telah dibunuh tersebut. Melihat kepada tindakan atau amalan masyarakat ini, pihak pengkaji Barat sering melabelkan Orang Dayak sebagai *wild people*, *headhunters* dan *pirates*.<sup>9</sup>

Penulisan oleh Cristina EGHENTER yang bertajuk '*Migrants' Practical Reasonings: The Social, Political, and Environmental Determinants of Long-Distance Migrations Among The Kayan and Kenyah of the Interior of Borneo*' pula menjelaskan bahawa sejak tahun 1950 sehingga 1980, terdapat lebih daripada 7, 000 orang masyarakat Kayan dan Kenyah di kawasan pedalaman Indonesia telah berpindah ataupun berhijrah ke bahagian yang lebih rendah, iaitu di Kalimantan Timur.<sup>10</sup> Beliau menyatakan bahawa alasan mereka ini membuat keputusan untuk berpindah ialah bahagian yang rendah lebih senang bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan, pasaran dan perkhidmatan kerajaan. Penghijrahan ini memakan masa yang agak panjang dan jarak perjalanan yang jauh dengan hanya menggunakan rakit dan berjalan kaki berikutan ketiadaan teknologi pada masa itu. Penghijrahan ini dilakukan dalam sebuah kumpulan yang besar dengan melewati sungai dan daratan sehingga ke kawasan yang dirasakan sesuai bagi mereka.<sup>11</sup> Dalam penulisan lain yang ditulis oleh Cristina EGHENTER, iaitu '*Towards a Casual History of a Trade Scenario in the Interior of East Kalimantan, Indonesia, 1990-1999*', penulisan beliau menyentuh berkaitan dengan kawasan terdahulu masyarakat Kayan ini sebelum berpindah. Ianya dikenali sebagai Apo Kayan. Apo Kayan merupakan sebuah tanah tinggi yang terasing yang terletak di hulu sungai Kaya di pedalaman Kalimantan, Indonesia.<sup>12</sup> Kawasan pedalaman ini sukar untuk diakses kerana terletak jauh di

---

<sup>9</sup> Asmiaty Amat, *Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera*, *MANU*, Vol. **17**, 2011, hlm 45.

<sup>10</sup> C. EGHENTER, *Migrants' Practical Reasonings: The Social, Political, and Environmental Determinants of Long-Distance Migrations among The Kayan and Kenyah of the Interior of Borneo*, *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, Vol. **14**, No. 1, 1999, hlm 12.

<sup>11</sup> *Ibid*, hlm 13.

<sup>12</sup> C. EGHENTER, *Towards a Casual History of a Trade Scenario in the Interior of East Kalimantan, Indonesia, 1990-1999*, *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde* 157 (2001), No. 4, hlm 741.

kawasan hutan yang tebal dan perjalanan untuk ke sana juga turut mencabar dengan keadaan jalan yang kurang baik. Cristina EGHENTER menyatakan bahawa keadaan atau kesukaran inilah yang mendorong masyarakat Kayan untuk mencari petempatan baharu bagi mereka meneruskan kelangsungan hidup selain daripada sumber yang semakin merosot.

Welyne Jeffrey Jehom dalam jurnal yang ditulisnya dalam '*Ethnicity and Ethnic Identity in Sarawak*' membincangkan tentang aspek sosial masyarakat Kayan dan Kenyah dari segi budaya dan bahasa mereka. Masyarakat Kayan dan Kenyah dikatakan masih berada di bawah persatuan yang sama atau kawasan yang berdekatan dengan satu sama lain walaupun terdapat perbezaan dari segi bahasa mereka. Beliau juga menyatakan bahawa budaya kedua-dua masyarakat ini juga tidak jauh berbeza jauh dan ada unsur kesamaan juga. Sebagai contoh, alat muzik tradisional kedua-duanya ialah *sape*. Bunyi atau alunan nadanya sahaja yang berbeza. Selain itu, kedua-dua masyarakat ini juga mengaku bahawa mereka berasal dari Batang Kayan di Kalimantan, Indonesia (Rousseau 1978, Whittier 1978).<sup>13</sup>

Seterusnya, penulisan oleh Bernard Sellato yang bertajuk '*The Other Tiger: History, Beliefs, and Rituals in Borneo*' juga dirujuk sebagai kajian lepas. Dalam kajian ini, dikatakan bahawa masyarakat Kayan ini telah berhijrah ke Mahakam di wilayah jeram besar dan telah diketuai oleh Liju Li'. Sekumpulan orang Kayan Mekkam (Mahakam) telah memasuki Mahakam yang terletak di kawasan atas dari Apo Kayan beberapa dekad sebelumnya. Pada sekitar tahun 1810, sekumpulan kumpulan lain orang Kayan yang dikenali sebagai Uma Suling kemudiannya dikenali sebagai Busang Uma Suling. Kumpulan ini telah memasuki kawasan Mahakam melalui saluran Sungai Boleh di Sarawak. Pada awalnya kumpulan-kumpulan tersebut bergabung di kawasan tersebut dalam keadaan hubungan dan interaksi yang tidak baik. Mereka hidup saling bermusuhan antara satu dengan yang lain. Namun demikian, kumpulan tersebut

---

<sup>13</sup> Welyne Jeffrey Jehom, *Ethnicity and Ethnic Identity in Sarawak*. *E-Journal Akademika* 55 (Julai) 1999: 83-98.



akhirnya disatukan dengan ikatan perkahwinan yang berlaku dalam kalangan mereka sendiri.<sup>14</sup>

Pengkaji juga merujuk kepada kajian Ahmad Murad Merican (2015) yang bertajuk '*Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang*'. Dalam kajian beliau ini, penghijrahan keluar yang dilakukan oleh Pagarruyung Minangkabau dipaparkan secara jelas dengan membincangkan Batu Uban sebagai lokasi petempatan terawal orang Melayu di Pulau Pinang. Selain itu, beliau turut mengaitkan pembukaan petempatan awal di Batu Uban dengan penghijrahan masuk masyarakat Minangkabau di Pulau Pinang. Dalam kajiannya ini juga memperlihatkan bahawa isu pertelingkahan antara golongan adat

Akhir sekali, '*Kayan People of Sarawak*' yang dihasilkan oleh Lah Jau Uyo menyatakan bahawa orang Kenyah dan Kayan menganggap bahawa Sungai Kayan merupakan tempat asal mereka. Kenyah merupakan antara masyarakat yang sudah lama menetap di Borneo manakala orang Kayan pula merupakan sebuah masyarakat dinamik yang datang dari Timur dan Selatan. Mereka ini turut dikenali sebagai masyarakat penakluk pada masa itu. Hal ini demikian kerana mereka telah mengasimilasikan kaum Murut pada ketika itu dan telah memperbudakkan kaum tersebut dan beberapa kaum lain. Ekoran daripada degenerasi tanah yang berlaku pada masa itu, sebuah perkampungan itu akan berpindah-randah dari 12 hingga 15 tahun.<sup>15</sup> Rumah panjang masyarakat Kayan adalah sangat unik kerana saiznya dan ketahanannya. Dari segi budaya, anak lelaki yang belum berkahwin mesti tidur di beranda rumah manakala anak perempuan yang belum berkahwin pula boleh tidur dengan keluarga mereka. Dari segi ekonomi pula, orang Kayan telah memanfaatkan kelebihan kedudukan geografi pada masa itu di mana mereka menetap di sepanjang sungai di Sarawak. Mereka melakukan aktiviti ekonomi sara diri seperti menanam padi dan bercucuk tanam seperti ubi, jagung dan labu. Mereka juga melakukan aktiviti memburu binatang dengan menggunakan "sumpit" dan perkhidmatan anjing

---

<sup>14</sup> Sellato, Bernard, *The Other Tiger: History, Beliefs, and Rituals in Borneo. Temasik Working Paper No.1*. The ISEAS, 2019, hlm 42.

<sup>15</sup> Uyo, Lah Jau, *Kayan People of Sarawak, Museum Journal*, 40: 56-88, 1989, hlm. 67.